

KOLEJ AB RASMI JADI KOLEJ TUN MUSTAPHA



YBHG Datuk Amir Kahar Tun Datu Mustapha (kiri) melaksanakan simbolik penjenamaan kolej kediaman sambil disaksikan oleh (dari kiri) Datin Aminah Ambrose, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Dr. Nizam Nazarudin

Oleh Afihasanah Ahmad Laili

KOTA KINABALU- Kolej Kediaman Anugerah Bestari yang dulunya bakal bergelar Kolej Tun Mahathir secara rasminya kini dikenali sebagai Kolej Tun Mustapha.

"Kami dimaklumkan pada awalnya kolej ini diberi nama Kolej Tun Mahathir. Tapi bila tiba masa penjenamaan, bertukar pula," kata Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Anugerah Bestari Herman Sallah.

"Bukan bermaksud saya tidak menghargai nama yang baru, tapi makluman awal sudah dibuat oleh Naib Canselor semasa perutusannya tahun 2014 lalu. Semangat kami dengan nama yang satu dalam Malaysia itu seakan ke depannya membawa harapan bahawa kolej AB ke arah melahirkan lebih banyak pemikir seperti Tun Dr Mahathir," jelas beliau lagi.

Walau bagaimanapun, Joiner Juan, 23, selaku Exco Sukan dan Rekreasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) berkata nama Tun Mahathir dimaklumkan tidak dapat digunakan kerana tidak mendapat kebenaran Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Pengetua dimaklumkan oleh pihak atasan seterusnya memaklumkan kepada kami (barisan JAKMAS) bahawa nama beliau (Tun Mahathir) tidak dibenarkan diguna pakai oleh pihak Tun sendiri memandangkan beliau masih lagi hidup," jelasnya ketika ditemui di Kolej Kediaman Tun Mustapha sehari selepas perasmian penjenamaan kolej tersebut.

Manakala bagi mantan Yang Di-Pertua JAKMAS sesi lalu, Zainald Zainuddin, 23, kecewa dengan pihak pentadbiran kerana membuat keputusan tanpa berunding terlebih dahulu.

"Ini masalah pentadbiran dalam membuat keputusan tanpa mengikut prosedur. Sepatutnya pihak UMS berjumpa atau berunding dengan pihak Tun sebelum menguar-uarkan hal ini," jelas mantan YDP JAKMAS yang telah pun membawa nama Tun Mahathir ketika pentadbirannya dalam menjalankan program.

Antara penggunaan nama Tun Mahathir sejak dihebahkan oleh Naib Canselor UMS pada perutusannya tahun 2014 adalah Pertandingan Mencipta Logo dengan hadiah wang tunai dan bilik penempatan serta sempat juga membawa nama Kolej Tun Mahathir ke luar dalam Program Kolej Bersama Masyarakat Siri Ke-6 (PKBM) di Singaron tahun lalu.